

MOA sokong ideologi program-program kemanusiaan terhadap haiwan dalam negara

Lebih banyak hospital veterinar

Oleh AMEEN AZIZUL AZIZ

KUALA LUMPUR — Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mencadangkan lebih banyak hospital veterinar dibina sebagai menyokong ideologi program-program kemanusiaan terhadap haiwan dalam negara.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, cadangan itu perlu diusul dan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua belas (RMK-12) akan datang kerana ia dilihat memainkan peranan penting jika ingin menjadi sebuah negara yang maju dan terhormat.

"Cadangan MOA ini adalah berdasarkan kesulitan yang dihadapi orang ramai jika mahu menghantar haiwan-haiwan yang sakit di luar sana kerana kita hanya mempunyai satu sahaja hospital veterinar di negara ini."

"Atas dasar itu, orang ramai sukar untuk membawa haiwan peliharaan mahupun haiwan terbiar yang sakit untuk disem-



AHMAD SHABERY KAMARUDIN buhkan kembali sekali gus menyebabkan banyak haiwan terluka dan terancam," katanya.

Katanya, negara yang maju adalah negara yang menghormati nilai-nilai kemanusiaan dan perkara itu termasuklah untuk tidak menganiaya maupun berlaku kejam kepada hidupan yang lain.

"Sebagai satu gerakan besar-besaran yang ingin membasmikan penganiayaan terhadap haiwan, kerajaan dan orang ramai juga perlu bersatu tenaga dalam memastikan negara ini tidak menganiaya binatang," jelasnya.

Shabery berkata demikian selepas melancarkan Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 di Hospital Veterinar Cheras, Cheras, di sini pagi semalam.

Turut hadir di majlis pelan-



AHMAD SHABERY (tengah) memegang seekor kucing ketika sesi pemilihan kucing bagi kategori 'VIP Choice' pada program Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 di Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur semalam.

caran itu adalah Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa.

Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 tersebut diadakan sempena sambutan Hari Haiwan Sedunia yang berlangsung pada 4 Oktober setiap tahun sebagai satu usaha dalam menghargai haiwan seluruh dunia.

Menampilkkan slogan "Saya



AHMAD SHABERY (depan, kanan) diiringi Kamarudin (belakang, kanan) melawat sekitar gerai-gerai pameran oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi-agensi pada program Hari Kebajikan Haiwan Kebangsaan 2016 semalam.

sayang haiwan" pada tahun ini, program tersebut dilancarkan buat pertama kali di negara ini dengan tujuan untuk memberi sepenuh kesedaran kepada orang ramai tentang kebajikan haiwan yang perlu diutamakan sama seperti hidupan lain.

Shabery dalam pada itu menambah, ideologi program-program kemanusiaan terhadap haiwan dalam negara itu juga

perlu dipupuk dalam sistem pendidikan negara sejak kecil.

"Sebagai sebuah negara membangun, kita sememangnya perlu memupuk sikap sayangkan haiwan dalam kalangan anak-anak muda sejak di bangku sekolah supaya mereka sedar bahawa kepentingan menjaga haiwan ini sama pentingnya dengan modal insan sesama manusia," katanya.